

MAKLUMAT & SYARAT PERTANDINGAN

“THE APPRENTICE: POLYCC PRODUCT CHALLENGE” KARNIVAL TVET POLYCC 2025 MAHSURI INTERNATIONAL EXHIBITION CENTRE, PULAU LANGKAWI. 14-16 FEBRUARI 2025

i. Info Aktiviti

1. Ringkasan Program;

The Apprentice: PolyCC Product Challenge merupakan cabaran pertandingan jualan dari hasil aktiviti keusahawanan TVET PolyCC yang melibatkan pelajar 142 institusi Politeknik dan Kolej Komuniti dari seluruh Malaysia. Program ini bertujuan untuk mengasah kemahiran keusahawanan pelajar dengan menampilkan produk hasil pembangunan keusahawanan pelajar yang membawa tema produk unik institusi masing-masing. Peserta akan bertanding dalam kumpulan, memasarkan produk mereka melalui transaksi tanpa tunai, sekaligus menggalakkan inovasi dan semangat keusahawanan dalam kalangan generasi muda.

2. Objektif;

- Menggalakkan inovasi dan kreativiti dalam keusahawanan pelajar.
- Mempromosikan produk aktiviti keusahawanan pelajar dari institusi masing-masing kepada komuniti luar.
- Melatih pelajar dalam kemahiran pemasaran dan pengurusan kewangan.

3. Aktiviti Utama;

- Jualan produk oleh pelajar berdasarkan pelbagai hasil aktiviti-aktiviti keusahawanan institusi.

4. Tarikh Penting;

- Tarikh Akhir Penyertaan melalui pendaftaran peserta di *website* rasmi pada **30 Januari 2025 (Khamis)**.
- Tarikh Taklimat Pertandingan pada **6 Februari 2025 (Khamis)**, secara dalam talian.
- Tarikh Daftar Penginapan masing-masing pada **13 Februari 2025 (Khamis)**.
- Tarikh Program “eU Lab” untuk Peserta Pertandingan pada **14 Februari 2025 (Jumaat), Jam 8.00 pagi – 12.00 tgh** di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, Padang Matsirat, Pulau Langkawi.
- Tarikh Persiapan *Booth* jualan pada **14 Februari 2025 (Jumaat) Jam 3.00 ptg – 5.00 ptg**.
- Tarikh Cabaran Jualan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, Padang Matsirat, Pulau Langkawi pada **15 Februari 2025 (Sabtu) Jam 8.00 pagi – 5.00 ptg**;
- Tarikh Majlis Perasmian Penutupan serta penyampaian hadiah pertandingan pada **16 Februari 2025 (Ahad) Jam 9.00 pagi – 1.00 ptg**. Daftar keluar dari penginapan
- Sebarang perubahan akan dimaklumkan.

ii. Syarat Pertandingan

1. Kelayakan Peserta;

- Terbuka kepada semua pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia.
- Peserta mestilah pelajar sepenuh masa yang berdaftar.

2. Komposisi Kumpulan;

- Setiap kumpulan terdiri daripada 4 orang ahli.
- Penyertaan 1 kumpulan sahaja dibenarkan untuk setiap institusi.

3. Pendaftaran;

- Borang penyertaan mesti lengkap melalui pendaftaran di website rasmi <https://www.upikptss.edu.my/karnivaltvetpolycc/apprentice.php> sebelum tarikh tutup pertandingan.

4. Tema Produk;

- Semua peserta yang bertanding mestilah menjual produk yang dihasilkan oleh aktiviti keusahawanan pelajar dengan membawa keunikan jenama institusi masing-masing.
- Produk mestilah sesuai untuk dijual dan mampu dibuktikan melalui transaksi dan bukti jualan.

5. Kaedah Jualan;

- Semua transaksi jualan mesti menggunakan e-wallet *Touch 'n Go* sahaja sebagai bukti sah.

6. Pemilihan Pemenang;

- Keputusan panel juri adalah muktamad

7. Peraturan Tambahan;

- Peserta tidak dibenarkan memasak di ruang jualan dalam dewan.
- Sebarang tindakan yang melanggar etika pertandingan akan menyebabkan penyingkiran secara automatik.
- Penganjur berhak membuat perubahan terhadap syarat tanpa notis awal.

iii. Bilangan Penyertaan:

- Bilangan Kumpulan: **1 kumpulan** setiap institusi dan terhad kepada **50 kumpulan** sahaja.
- Bilangan ahli kumpulan: **4 orang pelajar** setiap kumpulan
- Anggaran penyertaan seramai **200 orang pelajar**

vi. Penginapan dan Pengangkutan

- Urusan institusi masing-masing mengikuti pekeliling kewangan sedia ada.

vii. Info Urusetia Program (Hubungi Kami)

- En. Azizee bin Aziz (013-6073292)
- En. Surizan bin Ramli (019-4731008)

viii. Sijil dan Hadiah yang Ditawarkan:

1. Semua peserta diberikan Sijil Penyertaan

2. Hadiah pemenang;

a. Kategori *Best Sales*:

- ✓ Tempat Pertama: Wang Tunai + Sijil pemenang
- ✓ Tempat Kedua: Wang Tunai + Sijil pemenang
- ✓ Tempat Ketiga: Wang Tunai + Sijil pemenang

b. Kategori *Best Showcase*:

- ✓ Tempat Pertama: Wang Tunai + Sijil pemenang
- ✓ Tempat Kedua: Wang Tunai + Sijil pemenang
- ✓ Tempat Ketiga: Wang Tunai + Sijil pemenang

c. Kategori Content Marketing-Top Views TikTok (Pertandingan Berlangsung):

- ✓ Hadiah Wang Tunai + Sijil Pemenang

d. Kategori *Best Product PolyCC*:

- ✓ Hadiah Wang Tunai + Sijil Pemenang

-TAMAT-